



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA**

**MAJLIS PELUNCURAN SAMBUTAN 120 TAHUN
JABATAN AUDIT NEGARA**

“120 Tahun Menjunjung Amanah: Audit Berkualiti Meningkatkan Akauntabiliti”

UNTUK SIARAN SEGERA

PUTRAJAYA, 26 Januari 2026 – Sambutan 120 Tahun Jabatan Audit Negara (JAN) telah disempurnakan oleh YAB Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada hari ini.

Turut hadir ialah barisan Jemaah Menteri yang terdiri daripada YB Tan Sri Dato' Dr. Johari bin Abdul, Yang di-Pertua Dewan Rakyat; YB Datuk Fahmi Fadzil, Menteri Komunikasi; YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara serta barisan kepimpinan tertinggi Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Negeri.

Dengan tema “120 Tahun Menjunjung Amanah: Audit Berkualiti Meningkatkan Akauntabiliti”, sambutan ini menzahirkan komitmen JAN sebagai institusi semak dan imbang negara dalam memastikan pengurusan kewangan awam dilaksanakan secara telus, berintegriti dan berkesan sepanjang 12 dekad penubuhannya.

Majlis turut menyaksikan peluncuran Program Pendigitalan Perkhidmatan JAN (PPJ), merangkumi lapan komponen utama iaitu Sistem eAudit; Papan Pemuka Dalam Talian Ketua Audit Negara (Auditor General Dashboard – AGD); Sistem Pembangunan Modal Insan (SPMI); Sistem *e-SelfAudit*; *Active Directory* (AD); *Security Posture Assessment* (SPA) *Information Security Management System* (ISMS); dan *Data Warehouse & Analytics* (DA).

YBhg. Dato' Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Audit Negara dalam ucapannya berkata, transformasi digital ini menandakan anjakan paling signifikan dalam sejarah JAN, sekali gus mengubah landskap pengauditan sektor awam ke arah sistem yang lebih berasaskan data, telus dan beroperasi secara masa nyata (real time).

Selaras dengan pindaan Akta Audit 1957 [Akta 62] yang diluluskan pada Julai 2024, pelaksanaan inisiatif digital ini memperkukuh perluasan kuasa Ketua Audit Negara, termasuk kuasa mengaudit badan berkepentingan kerajaan, menjejak aliran dana awam melalui pendekatan "Follow the Public Money Audit", mengeluarkan garis panduan audit serta melaksanakan audit susulan secara lebih sistematik melalui AGD. Gabungan transformasi digital dan kuasa perundangan baharu ini meletakkan pengauditan sektor awam pada tahap yang lebih menyeluruh dan telus.

Transformasi digital JAN menjadi asas kepada pembaharuan tadbir urus negara dan meningkatkan keberkesanan semak dan imbang demi memastikan setiap sen wang rakyat dibelanjakan dengan berintegriti dan memberi manfaat kepada pembangunan negara.

Bersempena Sambutan 120 Tahun JAN, pelbagai program akan dianjurkan sepanjang tahun ini termasuk Bacaan Khutbah Jumaat 120 Tahun JAN; Larian 120 Tahun JAN; Pertandingan Debat Parlimen Mahasiswa Piala Ketua Audit Negara dan Persidangan Juruaudit Antarabangsa. Program-program ini bertujuan meningkatkan kesedaran awam mengenai mandat dan peranan JAN.

**Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Audit Negara**

